

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(A)16

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

16. Seramai 340,000 orang menandatangani petisyen bantahan pelaksanaan PIL 1 dan PSR.
- (a) Apakah tindakan serta maklumbalas Kerajaan Negeri terhadap petisyen tersebut dan mengapa Kerajaan Negeri masih akan meneruskannya?
 - (b) Adakah Kerajaan Negeri boleh memastikan segala masalah yang dibangkitkan seperti kemusnahan kawasan nelayan dan lain-lain tidak akan berlaku jika ia diteruskan?

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

16. (a) Kerajaan Negeri mengambil perhatian mengenai petisyen bantahan terhadap komponen-komponen Pelan Induk Pengangkutan Negeri Pulau Pinang (PTMP) termasuk projek *Pan Island Link 1* (PIL 1) dan *Penang South Reclamation* (PSR). Antara tindakan serta maklumbalas terhadap setiap petisyen yang diberikan kepada Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:-

- (i) Kerajaan Negeri telah mengadakan sesi libat urus (engagement) bersama 20,956 pihak berkepentingan, wakil rakyat, penduduk, agensi kerajaan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Sesi penerangan berhubung PTMP telah dijalankan sejak Disember 2015.
- (ii) Bagi penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) untuk setiap komponen projek, Jabatan Alam Sekitar (JAS) juga telah menetapkan supaya projek PIL 1 dan PSR perlu dijalankan sesi Paparan Awam (Public Display) selama sebulan bagi memberikan maklumat yang tepat berhubung komponen projek dan mendapatkan maklum balas daripada orang awam. Sepanjang sesi paparan awam yang dijalankan, maklum balas dan isu-isu yang dibangkitkan oleh agensi-agensi teknikal dan Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) telah dijawab samada secara bertulis atau melalui sesi lisan (penerangan) kepada individu, kumpulan tertentu atau semasa sesi dialog awam.

- (iii) Isu-isu yang dibangkitkan dalam petisyen bantahan, khususnya yang dikemukakan oleh NGO secara *online*, yang menentang usaha Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas dan membangunkan aspek ekonomi melalui projek PTMP adalah sama seperti yang dibangkitkan sepanjang tempoh sesi libat urus yang dikendalikan oleh Kerajaan Negeri bersama Rakan Pelaksana Projek (PDP) yang mana telah dijawab melalui sistem *online* oleh Kerajaan Negeri.
- (iv) Pada peringkat ini Kerajaan Negeri masih menjawab setiap isu berkenaan pelaksanaan projek PTMP dan PSR serta sedang meneliti dan memuktamadkan langkah-langkah mitigasi untuk menangani impak alam sekitar seperti yang digariskan oleh JAS yang mana laporan EIA telah diluluskan bagi kedua-dua komponen. Setiap keputusan dasar yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk kepentingan pembangunan dan masa depan negeri Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri akan meneruskan projek-projek di bawah PTMP kerana ia adalah pemangkin Transformasi Ekonomi Negeri Pulau Pinang. Hasrat utama pelaksanaan projek ini adalah bertujuan untuk menjana ekonomi yang lebih pesat dan mewujudkan rangkaian pengangkutan yang lebih efektif selari dengan pelaksanaan pembangunan yang mampan untuk masa hadapan.

- (b) Kerajaan Negeri sedar akan impak yang akan di alami di kawasan tambakan selatan Pulau Pinang. Justeru, Kerajaan Negeri akan memastikan agar inisiatif langkah-langkah mitigasi seperti yang telah disyaratkan dalam Laporan EIA yang telah diluluskan oleh JAS dilaksanakan.

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri mempertanggungjawabkan Jawatankuasa *Taskforce Nelayan* yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menyelaraskan inisiatif-inisiatif bagi menyediakan kemudahan-kemudahan demi menjaga kebijakan komuniti nelayan yang akan terkesan dengan pelaksanaan projek PSR. Jawatankuasa *Taskforce Nelayan* sedang

memperhalusi mekanisme pemberian *ex-gratia* serta akan mengadakan proses rundingan dengan para nelayan yang terjejas.

- (i) Mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang akuakultur, perikanan laut dalam, teksi air, perindustrian, keusahawanan serta dalam bidang perikanan pelancongan dan rekreatif;
- (ii) Penambahbaikan dari segi pendidikan dan kemahiran untuk rakyat tempatan, nelayan dan anak-anak mereka;
- (iii) 30% perumahan awam akan diperuntukkan dan keutamaan akan diberikan kepada para nelayan yang layak melalui skim sewa-beli; dan
- (iv) Penambahbaikan infrastruktur tempatan seperti melaksanakan program tebatan banjir, program peningkatan mutu air sungai, membina jeti terapung, pengindahan

Kerajaan Negeri berhasrat untuk meningkatkan taraf hidup mereka melalui usaha-usaha tersebut agar mereka tidak ketinggalan dengan arus pembangunan.

Selain itu Jawatankuasa Taskforce Nelayan juga sedang meneliti cadangan-cadangan yang telah dikenalpasti dalam laporan EIA bagi pelaksanaan projek PSR merangkumi langkah-langkah mitigasi jangka masa panjang dan jangka masa pendek serta penambahbaikan ekosistem dan kehidupan habitat di kawasan Selatan Pulau Pinang seperti berikut:-

- (i) Program penanaman bakau;
- (ii) Pelabuhan tukun tiruan;
- (iii) Pelepasan benih ikan dan udang;
- (iv) Pemasangan *Fish Aggregating Device* (FAD)/Unjam;
- (v) Pelaksanaan struktur bersifat ekologi (eco-engineering) pada lapis lindung pulau buatan; dan
- (vi) Penyediaan dana untuk kajian dan penyelidikan berkaitan laluan migrasi udang, penyu dan terumbu karang.

Environmental Management Plan (EMP) juga sedang disediakan dan dalam proses penyelarasan bersama pihak Jabatan Alam Sekitar untuk mendapatkan kelulusan sebelum projek bermula. Langkah-langkah kawalan alam sekitar yang ketat akan dilaksanakan semasa kerja-kerja tambakan seperti kolam kelodak, tirai kelodak dan pemantauan kualiti air laut. Usaha-usaha ini akan meminimakan impak terhadap ekosistem sedia ada.